



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***FAKTOR DOMINAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN DIGITAL DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA***

J. SOOSIAMAAL A/P JOSEPH THOMAS

FPP 2022 12



**FAKTOR DOMINAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN DIGITAL DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

J. SOOSIAMAAL A/P JOSEPH THOMAS

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

April 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR DOMINAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN DIGITAL DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

J. SOOSIAMAAL A/P JOSEPH THOMAS

April 2021

Pengerusi : Rahimah Jamaluddin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Cabaran pendidikan yang dihadapi oleh negara adalah terhasil daripada proses globalisasi, terutama dalam bidang Teknik dan Vokasional. Guru perlu bergerak mengikut peredaran arus teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor dominan penggunaan pembelajaran digital dalam kalangan guru PTV sekolah menengah di Selangor. Kajian ini juga mengenal pasti hubungan antara kesediaan, pengetahuan dan sikap guru PTV selaku pemboleh ubah tidak bersandar dengan penggunaan pembelajaran digital selaku pemboleh ubah bersandar. Kajian tinjauan berbentuk kuantitatif ini melibatkan 389 guru PTV sebagai sampel kajian. Satu set instrumen soal selidik telah diadaptasi oleh pengkaji dan nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach ialah di antara 0.773 hingga 0.944. Statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dan statistik inferensi iaitu korelasi, regresi berganda turut digunakan bagi menguji persoalan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru PTV terhadap penggunaan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran, (min = 2.75 dan sp = 0.359). Pengetahuan guru PTV terhadap penggunaan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran, (min = 2.94 dan sp = 0.388) dan sikap guru PTV terhadap penggunaan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran, (min = 2.72 dan sp = 0.259) berada pada tahap sederhana rendah. Pemboleh ubah bersandar penggunaan pembelajaran digital sebagai alat PdP juga berada pada tahap sederhana rendah (min = 2.94 dan sp = 0.369). Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru PTV dengan kekuatan positif sederhana dengan penggunaan pembelajaran digital dengan nilai ($r = 0.672$, sig = 0.001, $p < 0.05$). Hubungan antara pengetahuan guru PTV dengan penggunaan pembelajaran digital juga signifikan pada kekuatan positif tinggi dengan nilai ($r = 0.744$, sig = 0.001, $p < 0.05$). Diikuti dengan hubungan yang signifikan antara sikap guru PTV dengan kekuatan

positif sederhana dengan penggunaan pembelajaran digital dengan nilai ($r = 0.422$, $\text{sig} = 0.001$, $p < 0.05$). Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa aspek kesediaan, pengetahuan dan sikap mempengaruhi penggunaan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran guru PTV. Implikasinya, kajian ini adalah suatu penanda aras bagi pihak BPTV khususnya dan guru PTV amnya untuk menerima perubahan yang berlaku seiring dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif pada masa hadapan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**DOMINAN FACTORS OF THE USAGE OF DIGITAL LEARNING AMONG
TECHNIQUE AND VOCATIONAL TEACHERS IN SECONDARY SCHOOLS
OF SELANGOR, MALAYSIA**

By

J.SOOSIAMAAL A/P JOSEPH THOMAS

April 2021

Chairman : Rahimah Jamaluddin, PhD
Faculty : Educational Studies

The educational challenges faced by the country are a result of the process of globalization, especially in the Technical and Vocational fields. Teachers need to adapt accordingly to the technology in the process of teaching and learning in the classroom. This study aims to identify the dominant factors of digital learning use among PTV secondary school teachers in Selangor. This study also identified the relationship between the readiness, knowledge and attitude of PTV teachers as an independent variable with the use of digital learning as a dependent variable. This quantitative survey study involved 389 PTV teachers as the study sample. A set of questionnaire instruments was adapted by the researcher and the Cronbach's Alpha reliability value ranged from .773 to .944. Descriptive statistics such as frequency, percentage, mean and standard deviation and inferential statistics such as correlation, multiple regression were also used to test the research questions. While inference statistics such as correlation and multiple regression is also used to test the research questions.

The findings of the study show that the readiness of PTV teachers on the practice of using digital learning in teaching and learning, (mean = 2.75 and sp = 0.359). While PTV teachers' knowledge of the practice of using digital learning in teaching and learning, (mean = 2.94 and sp = 0.388) and attitude of PTV teachers towards the practice of using digital learning in teaching and learning, (mean = 2.72 and sp = 0.259) is at a moderately low level. The level of use of digital learning as a teaching tool is also at a moderately low level, (mean = 2.94 and sp = 0.369). The study also showed that there was a significant relationship between the readiness of PTV teachers with moderate positive strengths with the practice of using digital learning with values ($r = 0.672$, $\text{sig} = 0.001$, $p < 0.05$). In addition, there was a significant relationship between the knowledge of PTV teachers with high positive strengths with the practice of using digital learning with values ($r = 0.744$, $\text{sig} = 0.001$, $p < 0.05$). Followed by a significant relationship between PTV teachers' attitude and moderate positive strengths with the

usage of digital learning with values ($r = 0.422$, $\text{sig} = 0.001$, $p < 0.05$). This regression analysis shows that aspects such as readiness, knowledge and attitude influence the usage of digital learning in the teaching and learning of TVE teachers. The implication of this study is a benchmark for BPTV and TVE teachers in general. They need to accept the changes that occur in line with more effective teaching and learning methods in the future.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan khas ditujukan buat Dr. Rahimah Binti Jamaluddin, penyelia Tesis yang banyak memberi ruang dan peluang kepada saya meneroka dunia penyelidikan, dan memberi nasihat serta pandangan berguna. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau yang sangat membantu dalam perjalanan Master Sains ini. Terima kasih juga kepada Dr Arnida Binti Abdullah penyelia bersama yang memberi semangat, kekuatan dan tunjuk ajar untuk terus ke hadapan. Tidak ketinggalan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan dan Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Fakulti Pengajian Pendidikan yang membantu menjayakan tesis ini.

Teristimewa penghargaan ini ditujukan kepada suamiku tersayang Dr Annadurai kerana menjadi sahabat setia, bersama-sama berkongsi suka duka membantu saya dalam menimba ilmu. Tanpa dorongan suamiku, perjalanan Master Sains ini tidak bermula. Buat anak-anakku tersayang, Arvind, Priyadiana dan Sangeetha Shalini, yang menjadi inspirasiku menghabiskan Master Sains di Fakulti Pendidikan. Kejayaan ini adalah berkat doa seluruh ahli keluargaku.

Penghargaan khas kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi cuti belajar untuk menyiapkan tesis Master Sains ini. Akhir sekali penghargaan ini ditujukan buat insan-insan yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam kehidupanku, sebelum dan semasa menyiapkan tesis ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:

Rahimah binti Jamaluddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arnida binti Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. J. Soosiamaal a/p Joseph Thomas

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Rahimah binti Jamaluddin

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Arnida binti Abdullah

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Definisi Konsep Dan Operasional	9
1.8.1 Pembelajaran Digital	9
1.8.2 Kesediaan Guru	9
1.8.3 Pengetahuan Guru	9
1.8.4 Sikap Guru	10
1.9 Rumusan	10
2 SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Konsep Pembelajaran digital	11
2.3 Konsep Kesediaan Guru	13
2.4 Konsep Pengetahuan Guru	14
2.5 Konsep Sikap Guru	15
2.6 Teori Dan Model Berkaitan	16
2.6.1 Technology Acceptance Model (TAM)	16
2.6.2 Teori Tingkah Laku Terancang atau Theory of Planned Behaviour (TPB)	19
2.6.3 Theory of Reasoned Action (TRA)	19
2.6.4 Rasional Teori TAM, TRA dan TPB dalam Kajian	21
2.7 Sorotan Kajian Lepas	21
2.7.1 Hubungan Antara Kesediaan Guru Dengan Penggunaan Pembelajaran Digital	21
2.7.2 Hubungan Antara Pengetahuan Guru Dengan Penggunaan Pembelajaran Digital	23
2.7.3 Hubungan antara Sikap Guru dengan Penggunaan Pembelajaran Digital	25

2.8	Kerangka Teoritikal Kajian	27
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	29
2.10	Rumusan	30
3	METODOLOGI KAJIAN	31
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Lokasi Kajian	31
3.4	Populasi Kajian	32
3.5	Persampelan Kajian	33
	3.5.1 Penetapan Saiz Sampel Kajian	33
	3.5.2 Kaedah Persampelan	35
3.6	Instrumen Kajian	37
3.7	Kesahan Instrumen Kajian	39
3.8	Kajian Rintis	42
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	43
3.10	Penganalisan Data	44
	3.10.1 Analisis deskriptif	44
	3.10.2 Analisis Inferensi	44
3.11	Analisis Normaliti Data	45
3.12	Rumusan	47
4	DAPATAN KAJIAN	48
4.1	Pengenalan	48
4.2	Profil Responden	48
4.3	Dapatan Analisis Deskriptif	52
	4.3.1 Analisis Deskriptif: Tahap Kesediaan guru PTV Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52
	4.3.2 Tahap Pengetahuan Guru PTV Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	54
	4.3.3 Tahap Sikap Guru PTV Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	56
	4.3.4 Tahap Penggunaan Pembelajaran digital sebagai Alat PdP	59
4.4	Dapatan Analisis Inferensi	65
	4.4.1 Hubungan Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	65
	4.4.2 Hubungan Pengetahuan Guru Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	66
	4.4.3 Hubungan Antara Sikap Guru Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	67
	4.4.4 Faktor Dominan yang Mempengaruhi Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	67

4.5	Rumusan	69
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	70
5.1	Pengenalan	70
5.2	5.2 Perbincangan Kajian	70
	5.2.1 Kesediaan, Pengetahuan dan Sikap Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Kalangan Guru PTV Sekolah Menengah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	70
	5.2.2 Hubungan Kesediaan, Pengetahuan dan Sikap Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Kalangan Guru PTV Sekolah Menengah dengan Pengajaran dan Pembelajaran	73
	5.2.3 Faktor Dominan yang Mempengaruhi Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	74
5.3	Rumusan Kajian	75
5.4	Kesimpulan Kajian	76
5.5	Implikasi Kajian	77
	5.5.1 Implikasi Praktikal	77
	5.5.2 Implikasi Teoritikal	78
	5.5.3 Implikasi Metodologi	78
5.6	Cadangan Kajian	79
5.7	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	80
5.8	Penutup	81
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN	105
	BIODATA PELAJAR	126

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
3.1	Jumlah Populasi Guru PTV di Sekolah Menengah Harian yang Menawarkan Mata Pelajaran PTV	32
3.2	Jumlah Saiz Sampel Minimum	33
3.3	Perbandingan Pengiraan Saiz Sampel Minimum	35
3.4	Jumlah Sampel Guru PTV di Sekolah Menengah Harian yang Menawarkan Mata Pelajaran PTV	37
3.5	Senarai pakar pengesahan instrumen	40
3.6	Keputusan indeks kesahan kandungan setiap subkonstruk	41
3.7	Taburan Item selepas pengesahan pakar	41
3.8	Tahap kebolehpercayaan Nilai Alpha Cronbach	43
3.9	Interpretasi nilai min	44
3.10	Nilai Pekali Korelasi 'r' dan Jenis Hubungan	45
3.11	Kepencongan (Skewness) dan Kurtosis bagi Pemboleh Ubah	46
4.1	Profil Demografi Responden	49
4.2	Profil Pengalaman dan Kemahiran Menggunakan Internet	51
4.3	Tahap Kesediaan Guru PTV Terhadap Penggunaan Pembelajaran Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52
4.4	Tahap Pengetahuan Guru PTV Terhadap Penggunaan Pembelajaran digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran	54
4.5	Tahap Sikap guru PTV terhadap penggunaan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran	57
4.6	Tahap Penggunaan Pembelajaran Digital sebagai Alat PdP	61
4.7	Nilai julat bagi kekuatan hubungan antara pemboleh ubah	65
4.8	Korelasi Pearson: Hubungan Antara Kesediaan Guru PTV dengan Penggunaan Pembelajaran digital	66

4.9	Korelasi Pearson hubungan pengetahuan guru PTV dengan penggunaan pembelajaran digital	66
4.10	Korelasi Pearson hubungan antara sikap guru PTV dengan penggunaan pembelajaran digital	67
4.11	Model Summary	68
4.12	Analisis ANOVA	68
4.13	Keputusan Analisis Regresi Berganda	69



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Technology Acceptance model, TAM	17
2.2	Theory of Planned Behaviour, TPB	19
2.3	Theory of Reasoned Action, TRA	20
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	28
3.1	Prosedur Kaedah Persampelan mengikut Pensampelan Rawak Berstrata dan Rawak Mudah	36
3.2	Graf Plot <i>kebarangkalian normal</i>	46
3.3	P-P Plot perkaitan antara kesediaan, pengetahuan dan sikap guru PTV terhadap amalan penggunaan pembelajaran digital	47

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TVE	<i>Technical and Vocational Education</i>
PdP	Pengajaran dan pemudahcaran
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TAM	Teknologi Model Penerimaan atau Technology Acceptance Model
TBP	Teori Perilaku Terencana atau Theory of Planned Behaviour
ICT	Information Communication and Technology
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
MPM	Model Penerimaan Teknologi
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BTPN	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada era teknologi dan modenisasi abad ke-21, pelbagai usaha harus dipergiatkan dalam mempersiapkan generasi pelajar ke arah yang lebih berdaya saing serta berdaya maju. Berikutan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) secara menyeluruh bagi memastikan standard pendidikan antarabangsa dapat dicapai. Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, institusi pendidikan merupakan platform yang menjadi pemangkin untuk melahirkan modal insan bagi memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Dalam memastikan bidang pendidikan maju seiring dengan pembangunan teknologi dan arus globalisasi, pendekatan dan strategi yang diaplikasikan dalam bilik darjah adalah penting dan menjadi indikator ke arah matlamat tersebut.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK ke-11), usaha untuk membentuk jati diri seseorang individu, berkompentensi dan proaktif untuk terus maju merupakan satu aspirasi yang telah dibentuk oleh Kementerian Pendidikan iaitu Penjenamaan Semula TVET, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training, TVET*) bagi tempoh 2016-2020. Bagi memastikan agenda tersebut mencapai matlamat yang ditetapkan, pelbagai inovasi dan transformasi telah dirangka di mana pengajar TVET perlu mengubah sikap mereka terhadap teknologi baharu dan bersedia untuk dilatih semula dan merangkul kemahiran baharu dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi gelombang pembelajaran abad ke-21. Ianya menjadi keperluan untuk memastikan institusi latihan guru TVET sentiasa responsif terhadap dunia teknologi yang dinamik dan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur untuk memastikan para pelatih yang dilahirkan memenuhi syarat dan kehendak semasa (KPM, 2012).

Berikutan daripada perkembangan teknologi, kaedah pembelajaran juga mengalami transformasi di mana pembelajaran digital yang berasaskan pendidikan Teknik dan Vokasional dilaksanakan di institusi dan pusat-pusat pendidikan Teknik dan Vokasional. Rentetan daripada perkembangan teknologi maklumat menerusi aplikasi internet yang meluas, penggunaan laman web menjadi satu kaedah pembelajaran dalam mengaplikasikan pembelajaran digital dalam PdP. Penggunaan internet memberi nafas baharu kepada proses pembelajaran di mana kaedah pembelajaran tradisional telah mengalami transformasi secara menyeluruh. Kaedah penghafalan dan mengingat kembali maklumat dalam pembelajaran berbentuk tradisional telah mengalami perubahan kepada kaedah konvensional di mana kemudahan teknologi diaplikasikan secara elektronik seperti kaedah mengakses, memanipulasi dan mengeneralisasikan maklumat (Siti Zulaida, 2018). Keadaan ini memberi impak yang positif dalam membentuk pelajar yang berkelas pertama iaitu mempunyai gaya pemikiran yang lebih

kritis dan inovatif seiring dengan perkembangan dunia pendidikan Teknik dan Vokasional yang diimplementasikan pada masa kini.

Dengan penubuhan institusi-institusi pendidikan Teknik dan Vokasional, latihan berkemahiran berbentuk mahir dan separuh mahir digiatkan demi memenuhi pasaran terutamanya bagi menyahut cabaran industri 4.0. Guru-guru PTV bukan sahaja berperanan menjadi tenaga pengajar, tetapi juga pendidik yang mengutamakan kerja amali ataupun lebih dikenali sebagai *hands-on*. Dalam memastikan pengajarannya lebih diutamakan, guru-guru PTV menggunakan kaedah pengajaran secara kreatif dan menggabungkan kaedah inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran PTV lebih menarik dan menyeronokkan. Pengajaran abad ke-21 lebih menekankan kaedah pengajaran guru berdasarkan teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam usaha guru-guru PTV menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, penggunaan teknologi dalam pembelajaran perlu diberi keutamaan. Ini membantu guru-guru PTV menerangkan sesuatu konsep dengan lebih jelas berbanding dengan penerangan secara lisan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan globalisasi masa kini mementingkan teknologi dalam pembelajaran pelajar dari peringkat rendah sehinggalah menara gading. Pengaplikasian pembelajaran digital yang menggunakan teknologi terkini dapat memberi nafas baharu kepada proses pembelajaran dan menjadikan proses pembelajaran lebih efektif (Abdul Hakim, Mokhairi & Syadiah Nor, 2018; Nor Aziah & Mohd Taufik, 2016; Noraini & Shuki, 2019). Proses pembelajaran menggunakan pembelajaran digital turut diaplikasikan di peringkat sekolah menengah dan dilaksanakan secara menyeluruh terhadap semua peringkat pembelajaran seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2012).

Dalam dunia pembangunan teknologi terkini, sesi PdP mudah diminati oleh pelajar-pelajar kerana bahan penyampaian guru boleh diakses di mana sahaja. Selain itu, sesi pengajaran dan pembelajaran yang interaktif akan menuju ke arah pembangunan inovatif dan eksplorasi (Abd Hakim, Mokhairi & Syadiah Nor, 2018). Maka, penerimaan pelajar terhadap integrasi teknologi membolehkan ilmu dapat disampaikan lebih cepat dan menjimatkan masa (Nor Aziah & Mohd Taufik, 2016; Noraini & Shuki, 2009). Trend penggunaan pembelajaran digital sebagai alat pengajaran dan pembelajaran kini berkembang pesat dalam alam pendidikan. Ini boleh dilihat apabila berlakunya Pandemik Covid-19 yang mana PdP dijalankan sepenuhnya melalui pembelajaran digital (Muhamad Afzamiman, 2020). Ramai pendidik dan penyelidik mempunyai harapan tinggi terhadap pembelajaran digital agar dapat menyediakan satu platform untuk mengakses maklumat dan akhirnya membawa kepada revolusi baharu dalam pendidikan.

Di bawah projek 1BestariNet, prasarana teknologi maklumat dan komunikasi di semua sekolah telah dilengkapi dengan penyelesaian bersepadu. Ia dibangunkan bagi meningkatkan pengurusan pentadbiran dan menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dengan alat teknologi maklumat seperti internet. Melalui “*Virtual Learning Environment*” (VLE) atau lebih dikenali sebagai persekitaran pembelajaran maya, kemudahan internet telah disediakan di semua sekolah bandar dan sekolah luar bandar. KPM menyediakan kemudahan ini supaya pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan pentadbiran dapat dijalankan melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, projek 1BestariNet diperkenalkan supaya pelajar-pelajar dapat mengaplikasikan pengintegrasian teknologi maklumat (KPM, 2017).

Dengan projek 1BestariNet oleh KPM ini juga, telah memberi ruang kepada pelajar-pelajar luar bandar dan bandar mengakses teknologi maklumat. Ini membolehkan pendidikan adalah berkualiti seiring dengan kemajuan negara (KPM, 2017). Menurut Hazwani (2017), pengajaran dan pembelajaran dapat diakses di mana-mana dan lebih bersifat fleksibel kerana bahan pembelajaran digital dapat diakses dengan mudah. Pembelajaran maya juga merupakan kaedah pembelajaran yang dilaksanakan secara atas talian, dilaksanakan dan diakses pada bila-bila masa tanpa batasan (*ubiquitous learning*). Pembelajaran melalui kaedah ini menggalakkan penggunaan teknologi berasaskan web bagi guru dan pelajar untuk proses pembelajaran dan pengajaran (Nor Zaira, Zolkefli & Mohd Kasri, 2017).

Matlamat utama pembelajaran digital adalah untuk melahirkan pelajar yang berdikari di mana kaedah pembelajaran tidak lagi berpusatkan guru. Pelajar bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri berdasarkan usaha yang dilaksanakan demi mencapai prestasi yang diinginkan. Selain itu, pembelajaran secara digital juga menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajarannya dan meningkatkan tahap penerimaannya terhadap kaedah yang diperkenalkan. Dengan mengakses pembelajaran digital, persekitaran pembelajaran lebih kondusif dari segi bahan pembelajaran dan pengurusan masa lebih fleksibel (Nor Zaira, Zolkefli & Mohd Kasri, 2017). Tugasan guru dapat diakses oleh pelajar dengan mudah. Selain itu, guru dapat menyemak tugasan pelajar dan membuat penilaian melalui kaedah VLE atau pembelajaran maya.

Para guru dan pensyarah mula bersedia dengan pelbagai aplikasi digital seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *BigBlueButton*, *Zoom* dan sebagainya. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran siber (*cybergogy*) yang sebelumnya hanya mendokong pengajaran bersemuka telah dijadikan pendekatan utama dalam meneruskan amanah pendidikan. (Muhamad Afzamiman, 2020). Pembelajaran berasaskan laman web membolehkan proses PdP dapat dilakukan walaupun kedua-dua pihak iaitu pelajar dan guru tidak berada di institusi pengajian.

Pada masa kini, kebanyakan negara menggunakan teknologi digital dalam sesi pembelajaran untuk meningkatkan pembelajaran TVET dan mewujudkan paradigma dan persekitaran baharu. Penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran bukan sahaja meningkatkan kemahiran malahan menambahkan pengetahuan dalam dunia pendidikan

(Senteni, 2017). Selain itu, pembelajaran digital juga dapat membantu pelajar mengembangkan minda mereka dari aspek komunikasi, literasi maklumat, kreativiti dan kolaborasi dan mengembangkan kemampuan menggunakan teknologi untuk pelbagai tujuan (Zurita, Hasbun, Baloian & Jerez, 2015). Menurut Chien, Wu & Hsu (2014), pelajar di sekolah mempunyai harapan yang tinggi terhadap integrasi pembelajaran digital di dalam kelas kerana generasi baharu yang dilahirkan berkembang dengan teknologi terkini. Semakin muda pelajar, semakin tinggi harapan mereka terhadap pengintegrasian teknologi moden di dalam kelas.

Pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran pelajar dapat dilaksanakan dengan jayanya, dengan adanya pendidik yang berkemahiran dan berpengetahuan luas. Oleh itu, seseorang guru harus berdedikasi terhadap profesinya, dan menjadi keperluan untuk mempersiapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan yang tinggi serta memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektifnya (Alagesan, 2012). Guru bertindak sebagai pemudahcara dalam PdP. Oleh itu, dalam memastikan guru dapat mengintegrasikan penggunaan teknologi digital semasa PdP dengan jayanya, ianya menjadi keperluan untuk guru berpengetahuan tentang pengaplikasiannya dalam proses PdP.

Namun begitu, guru yang berpengetahuan luas tetapi kurang kemahiran dalam mengintegrasikan teknologi dengan proses pembelajaran akan menyebabkan PdP tidak menarik (Nor Zaira, Zolkefli & Mohd Kasri, 2017). Pelajar-pelajar tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran disebabkan oleh PdP kurang menarik dan membosankan. Di sini jelas menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru adalah indikator penting dalam menentukan keberkesanan PdP yang menggunakan teknologi pembelajaran berasaskan laman web.

Menurut Jimmy Copriandy (2014), tahap pengetahuan guru penting untuk menggunakan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, guru-guru PTV perlu meningkatkan tahap pengetahuan untuk memudahkan pelaksanaan pembelajaran berasaskan teknologi di sekolah. Penggunaan aplikasi pembelajaran digital akan meningkatkan pengetahuan guru dalam jangka masa panjang dan seterusnya meningkatkan penerapan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran.

Perubahan kurikulum juga telah direka bentuk mengikut transformasi KPM. Mata pelajaran PTV selepas transformasi ini lebih banyak mengaplikasikan penggunaan teknologi, contohnya RBT (Reka Bentuk Teknologi), Sains Pertanian (SP), Kejuruteraan, Perakaunan, Ekonomi, Perdagangan dan Pengurusan Perniagaan dan Sains Rumah Tangga (SRT) dan banyak lagi. Oleh itu, guru perlu ada pengetahuan teknologi untuk mencari maklumat dalam internet untuk disalurkan kepada pelajar. Guru PTV juga perlu mempunyai pengetahuan menggunakan teknologi digital bagi membolehkan pelajar dapat mengakses maklumat di internet dan membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Menurut Salehudin, Hassan & Hamid (2015), sikap yang ditonjolkan oleh guru menjadi indikator kepada keperibadian pelajar dalam memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Dengan adanya guru yang berkaliber, pelajar yang berkemahiran dan berdaya saing dapat dilahirkan. Tetapi, pada masa yang sama, ia turut menjadi kebimbangan dan kerisauan kepada sesetengah guru untuk mempraktikkan kaedah pengajaran yang baharu diperkenalkan dalam pendidikan walaupun pendekatan menggunakan pembelajaran digital dalam pengajaran dan pembelajaran telah lama diaplikasikan (Nor Zaira, Zolkefli & Mohd Kasri, 2017). Di sini jelas menunjukkan bahawa guru perlu bersedia mempersiapkan diri dengan kemahiran baru seiring dengan arus teknologi pembelajaran abad ke 21 (Senteni, 2017).

Antara faktor kekangan yang menghalang aplikasi pembelajaran menggunakan teknologi digital dalam bilik darjah di sekolah menengah ialah guru tidak mempunyai pengetahuan mengenai pengetahuan kerana tiada pendedahan diberikan kepada mereka (Putrawangsa & Hasanah, 2018). Kedua, kekurangan kepakaran dalam metode pengajaran ini. Guru-guru yang sedang berkhidmat terutama guru bukan novis kurang terdedah dengan teknologi (Rahim et al., 2019). Ada juga sebahagian guru yang tidak dapat berbincang antara satu sama lain kerana mereka menghadapi masalah yang sama, iaitu pengetahuan dan pengalaman yang terhad berhubung dengan aplikasi pendigitalan dalam pembelajaran di bilik darjah (Ilias & Ladin, 2018). Rentetan itu juga, peruntukan masa yang terhad di dalam jadual waktu untuk mengaplikasikan teknologi secara terus di dalam bilik darjah menghadkan penggunaan ICT (Oktavian & Aldya, 2020). Maka, halangan-halangan ini menyebabkan masih ramai guru yang menggunakan kaedah pengajaran tradisional yang dianggap lebih mudah, murah dan tidak memakan masa yang panjang.

Bedasarkan justifikasi yang telah dibincangkan, maka mengkaji faktor- yang dominan dalam penggunaan pembelajaran digital dalam kalangan guru-guru PTV sekolah menengah adalah satu keperluan. Perkaitan antara kesediaan, pengetahuan dan sikap guru perlu dikaji untuk melihat faktor manakah yang akan mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran digital semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hubungkait faktor peramal dalam penggunaan pembelajaran digital akan membolehkan pelbagai maklumat diteroka dan boleh digunakan sebagai asas untuk merancang intervensi yang bersesuaian dalam mengintegrasikan pembelajaran digital dalam PdP.

1.3 Penyataan Masalah

Dasar Pendidikan Negara kita masih belum berjaya mencapai matlamat (Eng & Keong, 2019), untuk membina pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hal ini disebabkan oleh beberapa masalah dan memerlukan penambahbaikan dari segi pelaksanaan. Walaupun telah banyak kajian seperti dalam Ilias & Ladin, (2018); Oktavian & Aldya, (2020) & Rahim et al., (2019) tentang pembelajaran berkaitan pembelajaran teknologi dalam bilik darjah dalam kalangan guru PTV sekolah menengah telah dijalankan di dalam dan juga luar negara, didapati tiada satu kesimpulan umum dapat generalisasikan (Ab Halim & Manis, 2021; Ridzuan, 2020). Hal ini cukup penting

kerana masih ramai guru beranggapan kaedah pembelajaran menggunakan teknologi sukar dijalankan dalam bilik darjah (Kamary & Hamzah, 2019). Faktor guru kurang kesediaan, pengetahuan dan sikap guru sendiri dalam mengendalikan kelas pembelajaran menggunakan teknologi masih dikesampingkan dan tidak dititik beratkan. Alasan yang diberi-kerana kemudahan internet dalam kebanyakan sekolah adalah terhad dan ada sekolah yang masih tiada rangkaian jalur lebar (Ridzuan, 2020). Isu mendapatkan internet di sekolah merupakan isu baru dalam dunia pendidikan. (Hew & Syed Abdul Kadir, 2016). Walaupun KPM telah membelanjakan jutaan ringgit untuk teknolgi maklumat dan komunikasi terutama pengaplikasian pembelajaran digital tetapi hasil kajian menunjukkan bahawa usaha kerajaan tidak mendapat sambutan hangat dan perkembangan positif yang sederhana (Jabatan Audit Negara Malaysia, 2019).

Bidang PTV menyumbang kemenjadian modal insan dalam menghadapi cabaran dalam industri 4.0. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam dunia industri 4.0, komitmen guru-guru PTV penting untuk melahirkan golongan tenaga kerja mahir mengikut perkembangan semasa. Selain itu, peranan guru-guru PTV sebagai tenaga pengajar penting sebagai penyampai ilmu dan mendorong pembelajaran aktif (Saidatul Amira & Irdyanti, 2018).

Guru-guru PTV masih belum menerokai secara menyeluruh aplikasi pembelajaran digital dalam meningkatkan proses PdP dalam kelas (Muhamad Azhar et al., 2017). Dalam konteks pendidikan Teknik dan Vokasional, pelaksanaan pembelajaran digital dalam kalangan guru masih berada di tahap sederhana (Jamaliah, 2014). Menurut Zurina dan Maizam (2014), penggunaan dan pengintegrasian pembelajaran digital dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Kajian Harun (2014) mendapati bahawa masih ada guru menggunakan kaedah konvensional dalam PdP. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak dapat memahami konsep atau kemahiran terutamanya pengajaran amali yang disampaikan oleh guru.

Kajian Mahizer, Siti Norazlikha & Noraini (2016) mendapati bahawa guru-guru menghadapi kekangan masa dalam membuat persediaan sebelum PdP terutamanya menggunakan aplikasi pembelajaran digital dan kerelevanan dalam pengajaran. Dari aspek pengetahuan pula menurut Alagesan (2012), sekiranya guru tidak mempunyai pengetahuan tentang penggunaan pembelajaran digital, ianya menjadi suatu kekangan dalam menerapkan literasi maklumat dalam proses PdP. Kurang pengetahuan tentang pengaplikasiannya dalam kalangan guru merupakan salah satu faktor pengaplikasian VLE Frog tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Guru yang mempunyai sikap positif dalam menjayakan objektif pengajaran akan mengaplikasikan penggunaan pembelajaran digital dalam kelas. Selain itu, sikap guru yang proaktif menggalakkan pengajaran dan pembelajaran berkesan dalam kelas (Haili dan Suguneswary, 2016). Kemahiran dan sikap individu serta pemikiran positif guru-guru menjana proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Sim & Norasmah Othman, 2017). Menurut Anjuman & Wan Hussin (2013), masih ramai guru yang tidak

mengintegrasikan teknologi berasaskan web atau penggunaan peralatan digital walaupun telah mengetahui keberkesanan aplikasi teknologi pembelajaran digital.

